

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.03.2018

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) jumlah hasil kutipan GST untuk tahun 2014, 2015, 2016, 2017 dan anggaran kutipan pada tahun 2018; dan
- (b) adakah Kerajaan merancang untuk menghapuskan GST seperti mana yang didesak rakyat .

JAWAPAN

Jawapan :

(a)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tahun 2015 dan 2016 masing-masing adalah sebanyak

RM27.0 bilion dan RM41.2 bilion. Manakala bagi tahun 2017, hasil bersih kutipan GST adalah sebanyak RM44.3 bilion. Bagi tahun 2018, Kerajaan telah mengunjurkan kutipan GST sebanyak RM43.8 bilion berdasarkan kepada Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun 2018.

(b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan GST ke atas barang dan perkhidmatan yang sedia ada memandangkan pelaksanaannya telah hampir tempoh tiga tahun. Struktur GST yang dilaksanakan telah mengambil kira antara lain kedudukan semasa sosio ekonomi rakyat Malaysia demi memastikan impak pelaksanaan GST adalah pada tahap minimum kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Penetapan kadar yang sedia ada telah dibuat melalui penelitian yang terperinci bagi memastikan kadar tersebut adalah yang paling bersesuaian. Secara umumnya, pelaksanaan GST telah terbukti berjaya menyusun semula sistem cukai kepenggunaan di Malaysia supaya lebih telus dan cekap. Tambahan pula, pelaksanaannya adalah jelas telah dapat membantu dalam memantapkan kedudukan kutipan hasil negara terutamanya di dalam kedudukan harga minyak mentah di pasaran dunia yang tidak menentu.

73

SOALAN (39)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29 MAC 2018
[KHAMIS]

DARIPADA : YB DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]

SOALAN :

YB DATUK LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini (progress) projek High Speed Rail (HSR) di antara Malaysia-Singapura.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek keretapi berkelajuan tinggi Kuala Lumpur – Singapura (KL-SG HSR) ini adalah projek keretapi laju yang pertama di Malaysia. Projek HSR ini kini sedang melalui proses penenderan untuk syarikat Aset (AssetsCo). Pada 20 Disember 2017, Malaysia dan Singapura telah memanggil tender bersama untuk syarikat Aset bagi projek KL-SG HSR. Syarikat Aset ini akan bertanggungjawab untuk mereka bentuk, membina, membiayai dan menyelenggara semua aset kereta api (landasan, kuasa, isyarat, dan telekomunikasi) untuk KL-SG HSR. Syarikat Aset ini juga akan menguruskan keupayaan rangkaian sistem (*manage system's network*) untuk keperluan operasi dan penyelenggaraan. Tarikh tutup penyerahan tender syarikat Aset ini adalah pada 29 Jun 2018. Taklimat tender telah diadakan pada 23 Januari 2018 di Kuala Lumpur untuk memberikan gambaran keseluruhan projek KL-SG HSR kepada semua pembida berdaftar. Pengumuman bagi pembida yang berjaya untuk tender ini dijangka akan dimaklumkan pada akhir tahun 2018.

75

Projek KL-SG HSR juga telah menjalankan Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) selama 3 bulan dan telah menerima lebih daripada 35,000 maklum balas dari orang awam. Pemeriksaan Awam yang berakhir pada 31 Januari 2018 itu memberi peluang kepada orang ramai untuk mendapatkan maklumat serta memberi maklum balas mengenai projek KL-SG HSR seperti jajaran yang dirancang, lokasi tujuh stesen HSR Malaysia, ciri-ciri khas stesen, pelan pengambilalihan tanah, data teknikal keretapi dan Program Pembangunan Sosioekonomi (SEDP) di semua lokasi paparan. 130 paparan awam telah diadakan di lokasi utama di sepanjang jajaran antara Kuala Lumpur dan Iskandar Puteri. 95 peratus daripada maklum balas awam yang diterima dan responden kaji selidik menyokong projek KL-SG HSR, dengan 98 peratus sambutan positif yang diterima dari Kuala Lumpur dan Johor. Antara maklumat-maklumat yang telah dipaparkan adalah potensi projek dari segi kemudahan perjalanan dan pembangunan ekonomi, proses pengambilan tanah, lokasi stesen dan jajaran, dan langkah-langkah pencegahan pencemaran alam sekitar yang akan digunakan untuk projek ini.

Langkah seterusnya bagi projek KL-SG HSR ini adalah tender pakej pembinaan sivil bagi stesen dan infrastruktur yang dijangka akan bermula lewat tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018